

NILAI ETNISITI DALAM PERLEMBAGAAN MADINAH

Zaleha Embong

zaleha.e@umk.edu.my

Pusat Pengajian Bahasa dan Pembangunan Insaniah

Universiti Malaysia Kelantan

Abstrak

Perlembagaan Madinah merupakan perlembagaan bertulis pertama dunia yang digubal oleh Nabi Muhammad SAW untuk mengurus masyarakat majmuk di Madinah. Masyarakat Madinah terdiri daripada pelbagai etnik, bahasa, agama dan suku puak. Sebelum kedatangan Islam, Madinah tidak mempunyai sistem politik yang teratur dan masyarakatnya hidup secara berpuak-puak serta terpisah. Di Madinah sering berlakunya konflik kerana masyarakatnya mempunyai semangat etnisiti yang tinggi sehingga sanggup berperang walaupun melibatkan isu kecil. Namun begitu, Baginda SAW mengiktiraf nilai etnisiti sebagaimana termaktub dalam Perlembagaan Madinah. Justeru, kertas kerja ini bertujuan mengenal pasti dan menganalisis nilai etnisiti dalam Perlembagaan Madinah. Kertas kerja ini menggunakan kaedah pengumpulan data melalui kajian kepustakaan. Manakala, kaedah analisis kandungan digunakan untuk menganalisis data yang diperoleh. Hasil dapatan mendapati perlembagaan ini telah berjaya menyatu padu dan membina hubungan baik dalam masyarakat majmuk di Madinah.

Kata Kunci: Etnisiti, Perlembagaan Madinah

ETHNICITY VALUES IN MADINAH CONSTITUTION

Abstract

The Constitution of the Medina is the first written constitution of the world drafted by the Prophet Muhammad to take care of the plural society in Medina. The Madinah community consists of various ethnic, linguistic, religious and tribal tribes. Before the advent of Islam, Medina had no organized political system and its people lived in isolation and apart. In Madinah there is often a conflict because the community has a high ethical spirit so willing to fight despite the small issues. However, he acknowledged the value of ethnicity as enshrined in the Constitution of the Medina. Hence, this paper aims to identify and analyze the values of ethnicity in the Constitution of the Medina. This paper uses the method of collecting data through library research. Meanwhile, the content analysis method is used to analyze the data obtained. The finding finds that this constitution has united solidarity and built a good rapport in the plural society of Medina.

Keywords: Ethnicity, Constitution of the Medina

Pengenalan

Etnisiti merujuk kepada gabungan pelbagai sifat dan komponen yang kebiasaannya dimiliki oleh kumpulan etnik (Smelser, 1988). Etnisiti merangkumi perkongsian kepercayaan, norma, nilai, keutamaan di dalam kumpulan, ketaatan dan menyenangi kelompoknya sendiri. Etnisiti juga merujuk kepada perasaan kekitaan sesebuah etnik yang dapat mengukuhkan dan menyatukan ahli anggotanya

dengan satu sejarah, nilai, sikap dan tingkah laku yang sama. Etnisiti merupakan elemen penting untuk menggambarkan kesepaduan yang utuh di bawah satu bumbung kebudayaan yang sama (Shamsul Amri Baharuddin, 2012).

Etnisiti boleh menjadi penyebab dan akibat dalam perhubungan masyarakat majmuk. Sekiranya ditangani dengan baik maka etnisiti boleh membawa hubungan baik dalam kalangan masyarakat majmuk. Namun, sekiranya tidak ditangani dengan baik akan menyebabkan berlakunya peristiwa buruk. Alam Melayu misalnya, kaedah pemerintahan yang menggunakan *Dasar Pecah dan Perintah* telah mengubah bentuk perhubungan etnik. Hal ini telah menyebabkan bentuk ekonomi, sosial dan pendidikan masyarakat terpisah-pisah mengikut kumpulan etnik. Situasi ini telah memberi kesan buruk sehingga tercetusnya rusuhan kaum 13 Mei 1969 ekoran jurang besar antara masyarakat yang menimbulkan sikap tidak puas hati (Shamsul Amri Baharuddin, 2012).

Dalam konteks sejarah Madinah pula, masyarakatnya mempunyai semangat etnisiti yang tinggi sehingga sanggup berperang kerana mempertahankan suku puak masing-masing. Oleh sebab itu, masyarakat Madinah sering berperang walaupun melibatkan isu kecil. Peristiwa penghijrahan Nabi Muhammad SAW dari Mekah ke Madinah telah membuka lembaran baru kepada masyarakat Madinah. Kedatangan Islam telah mengubah konsep etnisiti yang dipegang oleh masyarakat Madinah. Nabi Muhammad SAW selaku ketua negara telah mengubal Perlembagaan Madinah yang bertujuan mengurus dan membina hubungan kerjasama dalam masyarakat majmuk.

Lantaran, Baginda SAW telah menyelesaikan beberapa masalah iaitu pertama, mengariskan hak dan tanggungjawab orang-orang Islam dan penduduk tempatan Madinah. Kedua, memuliakan orang Islam yang berhijrah. Ketiga persefahaman dengan orang-orang bukan Islam terutama orang Yahudi. Keempat, penyusunan soal politik dan pertahanan Madinah. Kelima, bayaran pampasan terhadap kerugian atau kehilangan nyawa dan harta yang dialami oleh orang yang berhijrah.

Melalui Perlembagaan Madinah juga, Baginda SAW telah mengiktiraf setiap etnik sebagai warganegara dan seluruh masyarakat Madinah perlu saling menghormati serta bekerjasama dalam mewujudkan suasana aman di Madinah. Hasilnya, etnisiti ini menjadi simbol kekuatan Madinah apabila seluruh masyarakat berganding bahu dalam mempertahankan Madinah daripada ancaman musuh.

Latar Belakang Penduduk Madinah

Madinah sebuah kota kecil dan penduduknya dianggarkan seramai 4000 hingga 5000 orang (Mat Saad Abd. Rahman, 1995). Dari segi politik, Madinah tidak pernah mengenali perihal susunan negara kerana hanya mementingkan isu perkauman (Afzalur Rahman, 1992). Manakala, sistem sosial berasaskan sistem kesukuan iaitu setiap suku melindungi ahli masing-masing (Muhammad Al-Hasyimi Al-Hamidi, 2006). Terdapat juga masyarakat Madinah yang mengamalkan kehidupan nomad yang dikenali sebagai Arab Badwi (Naeem Siddiqi, 1982).

Penduduk Madinah ketika itu terdiri daripada pelbagai kaum, suku dan puak seperti kaum Arab terdiri daripada suku Aus dan Khazraj yang merupakan imigran dari Arab Selatan serta suku Arab lain pula menetap di Madinah (S. Abul Hasan Ali, 1982). Menurut Ibn Sa'd al-Baghdadi, dalam suku Aus dan Khazraj terdapat lapan puak sebagaimana yang disebut dalam Perlembagaan Madinah serta 33 kumpulan kecil yang bersama-sama dalam peperangan *Badar* (Watt, 1956). Kaum Arab ini berpegang kepada kepercayaan khurafat, menyembah berhala¹, menganut agama Yahudi dan Kristian. Manakala, kaum Yahudi yang menganut ajaran Nabi Musa a.s. dianggarkan berjumlah 20 suku dan suku yang terkenal ialah Bani Quraizah, Bani Nadhir dan Bani Qainuqa' (J. Suyuthi Pulungan, 1993).² Setiap kelompok tinggal di kawasan khas dan mereka jarang berinteraksi dalam masyarakat majmuk. Oleh sebab itu, perselisihan dan pergaduhan sering berlaku dalam kalangan mereka.

Masyarakat Madinah mempunyai cara hidup tersendiri dan mempunyai ikatan sosial yang terpisah daripada satu kelompok dengan kelompok yang lain. Pada waktu itu, hubungan antara kaum

¹ Seluruh kaum Arab mengikuti tatacara kaum Quraisy dari segi akidah dan kepercayaan. Mereka menganggap kaum Quraisy sebagai pemuka agama dan penjaga *Baitullah* (Kaabah). Masyarakat Madinah menyembah berhala sebagaimana kaum Quraisy menyembah berhala. Namun, patung *Manath* lebih diagungkan oleh masyarakat Madinah berbeza dengan kaum Quraisy yang mengagungkan patung *al-Uzza* (Abul Hassan Ali Al-Hasany An-Nadwy, 1983).

² Ketiga-tiga suku ini adalah punca berlakunya peperangan antara suku Aus dan Khazraj sejak zaman-berzaman. Sebagai contoh peperangan *Bu'ath* yang berlaku pada 619 M berpunca daripada rancangan Yahudi yang ingin memecahbelahkan kaum Arab yang telah menguasai Madinah sejak pertengahan abad ke 6 M lagi (Shaikh Sofiy al-Rahman Al Mubarakfuri, 2011). Selain itu, Bani Qainuqa' telah melakukan pengkhianatan terhadap perjanjian Piagam Madinah dengan mempersenda-senda kemenangan umat Islam dalam perang *Badar* yang berlaku pada 17 Ramadhan tahun 2 H. Perkampungan mereka dikepung seterusnya mereka diusir keluar dari Madinah pada tahun 2 H. Bani Nadhir pula dihalau pada tahun 4 H kerana menyokong kaum Quraisy dalam perang *Uhud* dan membuat pakatan untuk membunuh Nabi Muhammad SAW. Manakala, Bani Quraizah dikenakan hukuman yang lebih keras iaitu semua lelaki dewasa dibunuh, harta dirampas, golongan wanita dan kanak-kanak diusir dari Madinah pada tahun 5 H. Mereka melanggar perjanjian dengan membantu kaum Quraisy dalam perang *Khandak* dengan mengizinkan pihak musuh untuk menyerang masyarakat Islam dari lokasi tempat tinggal mereka (J. Suyuthi Pulungan, 1993). Pembatalan hubungan kerjasama dengan 3 suku kaum Yahudi ini berdasarkan firman Allah SWT dalam surah *al-Anfal* ayat 58 yang bermaksud:

“Maka jika engkau (Muhammad) khawatir akan terjadinya perkhianatan daripada suatu golongan, maka kembalikanlah perjanjian itu kepada mereka dengan cara yang jujur. Sungguh, Allah SWT tidak menyukai orang yang khianat”.

Menurut Watt (1956), pengusiran ini dilakukan berdasarkan alasan yang kukuh untuk menjaga keamanan dan ketenteraman di Madinah. Setelah pengusiran tiga suku utama Yahudi itu, golongan Yahudi lain masih menetap di Madinah. Golongan Yahudi yang masih menetap di Madinah adalah suku-suku Yahudi yang tercatat dalam Piagam Madinah iaitu Bani 'Auf, Bani al-Najjar, Bani Saidah, Bani al-Harith, Bani Jusyaim, Bani al-Aus, Bani Shutaibah, Bani Tha'labah dan Bani Jafnah (Mat Saad Abd. Rahman, 1995; Ahmad Barakat, 1979). Suku-suku Yahudi disebut satu-persatu dalam Piagam Madinah kerana mereka terdiri daripada kumpulan yang berbeza. Hal ini menunjukkan bahawa golongan Yahudi tidak menyertai Madinah sebagai satu unit masyarakat tetapi sebagai unit yang berasingan. Sekiranya masyarakat Islam berperang menentang sesetengah suku kaum Yahudi atau memerintahkan mereka keluar dari Madinah, suku-suku lain berdiam diri. Malah, mereka turut memberi bantuan ketenteraan kepada masyarakat Islam (Ahmad Ibrahim & Dzafir El-Qasimy, 1985).

Arab dengan Yahudi tidak tenteram kerana masing-masing menaruh minat untuk menjadi penguasa Madinah malah suku kaum Yahudi juga saling bermusuhan (Abul Hassan Ali Al-Hasany An-Nadwy, 1983). Kaum Yahudi menguasai dan berpengaruh dalam pasaran ekonomi Madinah.³ Mereka mengamalkan riba dan pergadaian. Pergadaian bukan hanya pada barangan perdagangan malah melibatkan wanita dan anak kecil. Mereka juga mengaut keuntungan berlipat kali ganda sehingga menimbulkan perasaan benci kaum Arab terhadap kaum Yahudi (Shaikh Sofiy al-Rahman Al Mubarakfuri, 2011; Abul Hassan Ali Al-Hasany An-Nadwy, 1983).

Penghijrahan ini mengubah komposisi penduduk Madinah⁴ menjadi tiga kelompok besar iaitu kaum Arab Mekah yang berhijrah bersama-sama Rasulullah SAW, kaum Arab Madinah dan Yahudi. Kaum Arab Mekah yang beragama Islam merupakan kaum pendatang dikenali sebagai Muhajirin manakala kaum Arab Madinah yang menganut Islam dikenali sebagai Ansar⁵. Kelompok bukan Islam pula terdiri daripada dua golongan iaitu kaum Yahudi dan pengikut agama berhala dikenali sebagai *wathaniyyin* (Zainal Abidin Ahmad, 1973)

Di Madinah, Baginda SAW telah melakukan perubahan penting untuk menstruktur semula masyarakat baru tersebut. Antara langkah-langkah yang dilakukan Baginda SAW adalah seperti berikut (Afzalur Rahman, 1992):

1. Mendirikan masjid

Masjid Quba' merupakan masjid pertama yang telah dibina oleh Rasulullah SAW. Masjid ini dibina sewaktu persinggahan Rasulullah SAW di Quba' pada 8 Rabiulawal sebelum tiba di Madinah. Masjid ini dibina atas dasar ketakwaan kepada Allah SWT.

Masjid An-Nabawi merupakan masjid kedua yang dibina dalam sejarah Islam. Masjid ini bukan sahaja digunakan untuk beribadat malah menjadi tempat perbincangan, pusat pentadbiran, pusat pengajian, kegiatan sosial dan aktiviti-aktiviti lain. Malah, menjadi tempat bermusyawarah dan mengukuhkan hubungan dalam masyarakat Islam (Shaikh Sofiy Al-Rahman Al-Mubarakfuri; Mustafa

³ Sewaktu penghijrahan Rasulullah SAW, kedudukan kaum Yahudi semakin lemah dan kedudukan kaum Arab di Madinah bertambah kuat. Segala urusan dikuasai oleh kaum Arab dan kesatuan kaum Arab semakin kukuh sehingga kaum Yahudi tidak dapat memecah-belah kesatuan mereka (Abul Hassan Ali Al-Hasany An-Nadwy, 1983).

⁴ Terdapat banyak pandangan berkenaan komposisi penduduk Madinah selepas penghijrahan Rasulullah SAW. Misalnya, Hasan Ibrahim Hasan dan Emile Durkheim berpendapat penduduk Madinah terdiri daripada golongan Muhajirin, Ansar, Munafik (suku pagan) dan kaum Yahudi Madinah. Manakala, Majid Khadduri, George E. Kerk dan Ahmad Shalaby pula berpendapat penduduk Madinah terdiri daripada golongan Muhajirin, Ansar dan Yahudi (dipetik daripada Zainal Abidin Ahmad, 1973).

⁵ Kaum Ansar telah banyak membantu Rasulullah SAW dan kaum Muhajirin ketika berhijrah. Pertolongan mereka sangat penting kepada perkembangan Islam. Perkataan Ansar itu sendiri bermaksud penolong, pembela, pelindung dan lain-lain (Hamka, 1985). Baginda SAW sangat kasih kepada kaum Ansar sebagaimana yang diriwayatkan oleh Anas r.a., Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud:

“Tanda-tanda iman adalah mencintai kaum Ansar dan tanda-tanda munafik adalah membenci kaum Ansar”.

(HR. Bukhari, No. 12)

Al-Siba'ei, 1985). Masjid ini juga menjadi tempat masyarakat Islam bertemu dengan Rasulullah SAW untuk mempelajari ajaran Islam dan peraturan-peraturan kemasyarakatan (Afzalur Rahman, 1992).

2. Mempersaudarakan masyarakat Islam

Selepas mendirikan masjid, Rasulullah SAW telah mempersaudarakan sesama Islam supaya mereka saling membantu dan mempunyai ikatan persaudaraan Islam yang kukuh (Saari Sungib, 2013)⁶. Hal ini sebagaimana firman Allah SWT dalam surah *al-Anfal* ayat 72 yang bermaksud:

“Sesungguhnya orang-orang yang beriman dan berhijrah serta berjihad dengan harta dan jiwa mereka di jalan Allah SWT dan orang-orang yang memberi tempat kediaman dan pertolongan (kepada Muhajirin). Mereka itu saling melindungi.”

Sebagaimana sabda Rasulullah SAW yang bermaksud:

“Daripada Abu Musa r.a. bahawa sesungguhnya seorang mukmin terhadap mukmin seperti satu binaan, saling mengukuhkan. Ketika berkata-kata, Rasulullah SAW mempersilangkan jari-jemarinya”.

(HR. Bukhari, No. 285)

Persaudaraan yang dilakukan oleh Rasulullah SAW merangkumi persaudaraan antara golongan Ansar dengan Muhajirin dan Muhajirin sesama Muhajirin.⁷ Persaudaraan Muhajirin terdiri daripada seseorang yang berkedudukan tinggi dengan seorang yang lebih rendah kedudukannya. Hal ini bertujuan menghapuskan jurang perbezaan kerana menurut amalan masyarakat Quraisy jahiliah terdapat penentuan darjat yang berbeza-beza dalam setiap suku kaum. Di samping itu, persaudaraan dalam kalangan golongan Ansar terdiri daripada suku kaum Aus dan Khazraj. Hal ini bertujuan merapatkan ukhuwah islamiah⁸ dalam kalangan masyarakat Islam. Implikasi daripada persaudaraan ini sebagaimana firman Allah SWT dalam surah *al-Hasyr* ayat 9 yang bermaksud:

⁶ Ibn al-Qayyim telah merakamkan peristiwa ini dalam catatannya bahawa “Rasulullah SAW telah mempersaudarakan Muhajirin dan Ansar dalam sebuah majlis yang diadakan di rumah Anas bin Malik. Majlis ini dihadiri seramai 90 orang lelaki iaitu separuh daripada golongan Muhajirin dan separuh daripada golongan Ansar. Rasulullah SAW mempersaudarakan sesama mereka supaya saling membantu dan mewarisi harta pusaka. Kemudian, turun surah *al-Anfal* ayat 75 yang mengembalikan hak pewarisan harta pusaka kepada yang berhak mengikut syarak dan bukan kepada ikatan persaudaraan tadi” (dipetik daripada Shaikh Sofiy Al-Rahman Al-Mubarakfuri, 2011).

⁷ Baginda SAW telah mempersaudarakan golongan Muhajirin dengan Ansar iaitu Ja'afar bin Abi Talib dengan Muaz bin Jabal, Abu Bakar Al-Siddiq dengan Kharajah bin Zaid, Umar bin Al-Khattab dengan Itban bin Malik, Abdul Rahman bin Auf dengan Sa'ad bin Ar-Rabi', Abu Ubaydah Al-Jarrah dengan Sa'ad bin Muaz, Mus'ab bin Umayr dengan Abu Ayyub Al-Ansari dan lain-lain. Selepas itu, Rasulullah SAW telah mempersaudarakan golongan Muhajirin sesama Muhajirin iaitu Hamzah bin Abdul Muttalib dengan Zaid bin Harithah, Zubir bin Al-Awwam dengan Abdullah bin Mas'ud, Rasulullah SAW dengan Ali bin Abi Talib dan lain-lain (Muhammad Sa'id Ramadhan Al-Buti, 1997; Saari Sungib, 2013).

⁸ Dalam *Ensiklopedia Istilah Agama Islam*, ukhuwah islamiah bermaksud persaudaraan Islam. Ungkapan ini disebut dalam al-Qur'an seperti surah *al-Baqarat* ayat 220, *Ali 'Imran* ayat 103, *al-Ahzab* ayat 5 dan *al-Hujurat* ayat 10. Persaudaraan Islam berasaskan tali agama, kesamaan iman dan penyerahan diri kepada Allah SWT. Penyatuan umat Islam diikat dengan semangat tolong-menolong, saling menghormati, persamaan hak dan

“Mereka (orang-orang Ansar) yang telah menempati kota Madinah dan telah beriman sebelum kedatangan mereka (Muhajirin), mereka mencintai orang yang berhijrah ke tempat mereka. Dan mereka tidak menaruh keinginan dalam hati mereka terhadap apa yang diberikan mereka (Muhajirin). Dan mereka mengutamakan Muhajirin daripada diri mereka sendiri meskipun mereka sendiri memerlukan”.

Muhammad Al-Ghazaliy (1997) menyatakan bahawa persaudaraan ini bertujuan menghapuskan *‘asabiyyah* jahilia dan perbezaan yang berasaskan keturunan. Persaudaraan ini membawa perubahan kepada masyarakat sehingga sanggup berkorban harta benda.

3. Pembentukan Perlembagaan Madinah iaitu perjanjian antara masyarakat Islam dengan bukan Islam

Madinah terdiri daripada masyarakat majmuk yang memerlukan sebuah perjanjian untuk membina hubungan yang baik dalam masyarakat. Oleh itu, Baginda SAW menggariskan beberapa perkara yang perlu diberi keutamaan iaitu (Ahmad Ibrahim & Dzafir El-Qasimy, 1985):

- i. Mengariskan hak dan tanggungjawab masyarakat Islam serta penduduk tempatan Madinah.
- ii. Memuliakan masyarakat Islam yang berhijrah.
- iii. Persefahaman dengan masyarakat bukan Islam terutama kaum Yahudi.
- iv. Penyusunan sistem politik dan pertahanan Madinah.
- v. Bayaran pampasan terhadap kerugian, kehilangan nyawa dan harta yang dialami oleh golongan Muhajirin angkara kaum Quraisy Mekah.

Maka, Baginda SAW telah membuat perjanjian antara masyarakat Islam dengan bukan Islam di Madinah. Menurut Ibn Ishaq (1970), Rasulullah SAW telah menulis sebuah piagam yang dikenali sebagai Perlembagaan Madinah yang menerangkan perhubungan golongan Muhajirin dan Ansar serta perjanjian dengan kaum Yahudi. Perjanjian ini menggariskan peranan dan kewajipan setiap kelompok masyarakat dalam mempertahankan negara. Misalnya, suku kaum Yahudi sebagaimana termaktub dalam Perlembagaan Madinah ialah Bani ‘Auf, Bani al-Najjar, Bani al-Harith, Bani Saidah, Bani Jusyaim, Bani al-Aus, Bani Tha’labah, Bani Jafnah dan Bani Shutaibah. Manakala, masyarakat Islam dari Madinah terdiri daripada Bani Auf, Bani al-Harith, Bani Sa’idah, Bani Jusyam, Bani al-Najjar, Bani ‘Amru bin ‘Auf, Bani al-Nabiet dan Bani Aus.

Pembentukan Perlembagaan Madinah

Perlembagaan Madinah telah ditulis secara lengkap oleh dua orang penulis Muslim iaitu Ibn Ishaq (Wafat 151H) dan Ibn Hisyam (Wafat 213H) (Izzuddin, 2008). Perlembagaan ini merupakan perlembagaan bertulis yang pertama di dunia yang dirangka oleh Nabi Muhammad SAW sebagai panduan kepada masyarakat majmuk di Madinah (Watt, 1956; Muhammed Hamidullah, 1968).

kewajipan, kasih sayang dan sebagainya. Malah, ukhuwah islamiah tidak memandang perbezaan bangsa, keturunan, warna kulit, pangkat dan kekayaan (Sosrodirdjo, 1988:159). Ibn Khaldun (1993) menjelaskan bahawa pentingnya ukhuwah dan kerjasama dalam sesebuah gerakan keagamaan. Gerakan Islam tidak akan berjaya tanpa ikatan ukhuwah yang kukuh dalam masyarakat.

Menurut Watt (1956), Peters (1994) dan Ahmad Khairuddin (2007), Perlembagaan Madinah merupakan dokumen yang autentik dan mempunyai kandungan yang sesuai dengan keadaan sosiologi dan sejarah pada zaman tersebut. Guillame (2004) menamakan Perlembagaan Madinah sebagai *Friendly Agreement* dalam bukunya yang bertajuk *The Life of Muhammad*. Menurut Guillame (2004), perlembagaan ini menekankan kehidupan berdampingan antara golongan Muhajirin dengan Ansar serta Yahudi. Golongan ini saling menghormati agama, melindungi hak milik dan mempunyai kewajiban yang sama dalam mempertahankan Madinah. Ibn Ishaq pula berpandangan bahawa (dipetik daripada Peters, 1994):

“And the Apostle of God wrote document between the Migrants and the Helpers and in it he made a peace (wada‘a) with the Jews and the pact (‘ahada) with them and he confirmed them according to their religion/law (‘ala dinihim) and properties and laid down obligations due to them and imposed obligations upon them”.

Jelas bahawa tujuan Perlembagaan Madinah digubal adalah untuk mengatur hubungan dan menyelesaikan masalah dalam kalangan masyarakat majmuk di Madinah. Seterusnya, Perlembagaan Madinah disiapkan pada tahun pertama dan kedua Hijrah yang mengandungi 47 Fasal serta dibahagikan kepada dua bahagian.⁹ Bahagian pertama mengandungi Fasal 1 hingga 23 menyentuh perhubungan Muhajirin dan Ansar yang disiapkan sebelum berlakunya Perang *Badar*. Manakala, Fasal 24 hingga 47 berhubung hak dan kewajiban kaum Yahudi yang disiapkan selepas Perang *Badar* (Zul-kifli Hussin, 2003). Perlembagaan Madinah merupakan strategi Baginda SAW untuk menyusun semula sistem politik dan sosial di Madinah. Hal ini kerana Madinah memerlukan sistem pentadbiran yang teratur bagi mengurus masyarakat majmuk dan mengukuhkan kekuatan untuk menghadapi pelbagai ancaman.

Selain itu, Perlembagaan Madinah menyentuh persoalan seperti hak dan kewajiban pemerintah serta orang yang diperintah, perundangan, keadilan, susunan pertahanan, kedudukan ketua negara, layanan terhadap masyarakat bukan Islam, jaminan kemasyarakatan dan pengertian ummah (Ahmad Ibrahim & Dzafar El-Qasimy, 1985). Menurut Che Bakar Che Mat et al. (2007), terdapat sembilan perkara utama dalam Perlembagaan Madinah iaitu pembentukan ummah, hak asasi manusia, persatuan agama, persatuan segenap warganegara, golongan minoriti, tugas warganegara, melindungi negara, pimpinan negara dan menjamin perdamaian. Dalam perlembagaan ini, Rasulullah SAW mengamalkan prinsip toleransi, tanggungjawab, keadilan, kasih sayang dan hormat-menghormati untuk mengurus

⁹ Dalam teks Perlembagaan Madinah yang asli, tiada pembahagian Fasal. Pembahagian 47 Fasal tersebut diletakkan oleh A. J. Wensinck dalam kajiannya yang bertajuk *Mohammed en de Joden te Madina* pada tahun 1928 M yang ditulis untuk mendapat gelaran Doktor Falsafah dalam Sastera Semit (Watt, 1956; Izzuddin, 2008). Namun, Muhammed Hamidullah (1968) berpendapat bahawa Perlembagaan Madinah mempunyai 52 Fasal iaitu bahagian pertama mengandungi 25 Fasal dan bahagian kedua mengandungi 27 Fasal. Ahli-ahli sejarah pada umumnya mencatatkan bahawa perlembagaan ini telah ditulis pada tahun pertama Hijrah (Ahmad Ibrahim & Dzafar El-Qasimy, 1985). Manakala, Muhammed Hamidullah (1968) telah memberi kemungkinan bahawa bahagian pertama dibuat dalam tahun pertama Hijrah manakala bahagian kedua telah ditambah pada tahun kedua Hijrah selepas peperangan *Badar*.

masyarakat majmuk (Zaleha Embong, 2016). Hal ini menunjukkan kesungguhan Baginda SAW untuk mewujudkan keharmonian di bawah pemerintahan Islam.

Nilai Etnisiti Dalam Perlembagaan Madinah

Menurut Aunur Rafiq (2009), perlembagaan ini merupakan model yang dimanifestasi daripada al-Qur'an kemudian diterjemahkan dalam realiti kehidupan. Oleh sebab itu, perlembagaan ini bercirikan pemerintahan yang komprehensif yang memenuhi kehendak masyarakat majmuk. Oleh sebab itu, Rasulullah SAW mengatur masyarakat dengan mengiktiraf setiap suku dan etnik sebagai warganegara. Hasilnya, masyarakat majmuk menjadi simbol kekuatan dan digeruni oleh pihak musuh.

Hal ini berikutan Rasulullah SAW mengiktiraf masyarakat Islam dan bukan Islam sebagai warganegara melalui konsep ummah¹⁰ (Muhammad Al-Ghazaly, 1997). Konsep ummah ini menyumbang kepada semangat kekitaan dalam masyarakat majmuk. Rasulullah SAW meletakkan konsep ummah sebagaimana Fasal-Fasal berikut:

Fasal 2:

“Bahawa mereka adalah satu ummah (bangsa/ *nation*) berbeza daripada manusia-manusia lain”.

Fasal 25:

“Bahawa kaum Yahudi daripada *Bani 'Auf* adalah satu ummah bersama orang mukmin. Mereka bebas dengan agama mereka sendiri. Orang Islam dengan agama mereka, begitu juga orang yang bersekutu dengan mereka serta begitu juga diri mereka sendiri. Melainkan sesiapa yang zalim dan berbuat dosa. Maka, hal itu tidak akan menimpa melainkan dirinya dan keluarganya sendiri”.

Fasal 25 hingga 34, suku kaum Yahudi disebut satu persatu bagi menjelaskan kedudukan mereka sebagai satu ummah bersama-sama masyarakat Islam. Menurut Muhammad Sa'id Ramadan Al-Buti (1997), pelaksanaan konsep ummah berjaya menghapuskan sistem kasta yang merosakkan sistem masyarakat. Ahmad Ibrahim dan Dzafar El-Qasimy (1985) pula menyatakan Perlembagaan Madinah mengiktiraf kaum Yahudi sebagai warganegara selagi mereka melaksanakan tanggungjawab. Namun begitu, terdapat tiga suku kaum utama Yahudi iaitu *Bani Quraizah*, *Bani Nadhir* dan *Bani Qainuqa'* telah melanggar perjanjian dan diusir dari Madinah. *Bani Qainuqa'* telah melakukan perkhianatan pertama terhadap masyarakat Islam dan melanggar syarat perjanjian sehingga hubungan kerjasama terbatal.¹¹

¹⁰ Menurut Watt (1956), perkataan ummah berasal daripada bahasa Ibrani yang bermaksud suku bangsa atau masyarakat. Manakala, Abdul Monir Yaacob (1986) berpendapat dalam konteks kenegaraan, ummah bermaksud rakyat atau warganegara. Dalam al-Qur'an dijumpai sebanyak 52 kali perkataan ummah yang terungkuai dalam berbagai ayat (Dipetik daripada Izzuddin, 2008).

¹¹ Ibn Ishaq (1970) menceritakan bahawa Rasulullah SAW telah mengumpul suku *Bani Qainuqa'* di pasar *Qainuqa'*, lalu Baginda SAW berucap: “Wahai kaum Yahudi berwaspada kamu daripada Allah SWT daripada tertimpa ke atas kamu sebagaimana tertimpa kemurkaan ke atas keturunan Quraisy. Masuklah kamu semua dalam Islam. Kamu semua mengetahui bahawa aku ini nabi utusan Allah SWT sebagaimana kamu dapati dalam

Rasulullah SAW merayakan dan menghormati kepelbagaian masyarakat di Madinah. Oleh sebab itu, Baginda SAW menyebut satu persatu suku puak sebagai mengiktiraf mereka sebagai warganegara. Oleh sebab itu, Rasulullah SAW menjadikan masyarakat Madinah sebagai satu ummah supaya masyarakat saling menghormati, bertoleransi dan bertanggungjawab menjaga keharmonian Madinah. Pelaksanaan konsep ummah ini juga telah membina hubungan kasih sayang dalam masyarakat.

Selain itu, etnisiti juga turut diiktiraf oleh Baginda SAW supaya setiap suku puak menjaga hubungan baik sesama mereka. Hubungan yang baik akan mewujudkan sikap kerjasama dan saling membantu. Hal ini mampu memberi kebaikan untuk mengukuhkan kedudukan Madinah. Negara yang mempunyai masyarakat yang bekerjasama akan menyukarkan pihak musuh untuk menguasai sesebuah negara. Oleh sebab itu, Baginda SAW menghormati setiap etnik melalui peruntukkan Fasal-Fasal berhubung etnisiti dalam Perlembagaan Madinah. Justeru, prinsip tanggungjawab dan kerjasama dapat diwujudkan. Kepentingan etnisiti dapat dilihat melalui Fasal-Fasal berikut:

Fasal 3:

Golongan Muhajirin daripada Quraisy di atas pegangan lama mereka. Mereka saling tanggung-menanggung membayar dan menerima wang tebusan (diat) di antara sesama mereka dalam mana mereka menebus sesiapa yang tertawan dengan cara berkebajikan dan adil dalam kalangan orang yang beriman.

Fasal 4:

Bani Auf (dari Yathrib) tetaplah di atas pegangan lama mereka dalam mana mereka bersama-sama menanggung membayar serta menerima wang tebusan seperti dahulu dan setiap golongan tetaplah menebus sesiapa yang tertawan daripada kalangan mereka sendiri dengan cara berkebajikan dan adil dalam kalangan orang yang beriman.

Fasal 5:

Bani al-Harith (dari Yathrib) bin *al-Khazraj* tetaplah di atas pegangan lama mereka sama-sama bertanggungjawab membayar wang tebusan darah seperti dahulu. Dan tiap-tiap puak daripada (suku Khazraj) hendaklah membayar wang tebusan darah untuk mereka sendiri dengan adil dan berkebajikan dalam kalangan orang yang beriman.

Fasal 6:

Bani Sa'idah (dari Yathrib) tetaplah di atas pegangan lama mereka sama-sama bertanggungjawab membayar wang tebusan darah seperti dahulu dan setiap keluarga puak daripada mereka hendaklah membayar wang tebusan darah untuk mereka sendiri dengan berkebajikan dan adil dalam kalangan orang yang beriman.

kitab kamu dan janji Allah SWT kepada kamu". Jawab mereka: "Hai Muhammad, kamu menipu kami sebagaimana keturunan kamukah? Kamu jangan tertipu, memang kau berlawan dengan satu kaum yang tidak ada pengalaman dalam peperangan. Maka, engkau berpeluang merubah mereka. Sesungguhnya kami ini, demi Allah kalau kau nak mencuba dan ingin kenal siapa kami dan jenis kami, boleh mencuba". Peristiwa ini berlaku ekoran seorang Yahudi telah memalukan seorang wanita Islam di pasar *Bani Qainuqa'*. Maka, berlaku pergaduhan antara masyarakat Islam dengan *Bani Qainuqa'*. Peristiwa ini merupakan pergaduhan pertama yang berlaku setelah termeterai perjanjian antara kaum Yahudi dengan Rasulullah SAW. Pertengkarannya ini berlaku sebagaimana yang diceritakan oleh Al-Tabari dan Al-Waqidi iaitu dipertengahan bulan Syawal, tahun kedua Hijrah (Muhammad Sa'id Ramadan Al-Buti, 1997).

Fasal 7:

Bani Jusyam (dari Yathrib) tetaplah di atas pegangan lama mereka sama-sama bertanggungjawab membayar wang tebusan darah seperti dahulu. Tiap-tiap puak daripada mereka hendaklah membayar wang tebusan darah untuk diri mereka sendiri dengan berkeadilan dan adil dalam kalangan orang yang beriman.

Fasal 8:

Bani al-Najjar (dari Yathrib) tetaplah di atas pegangan lama mereka sama-sama bertanggungjawab membayar wang tebusan darah seperti dahulu. Tiap-tiap puak daripada mereka hendaklah membayar wang tebusan darah untuk diri mereka sendiri dengan berkeadilan dan adil dalam kalangan orang yang beriman.

Fasal 9:

Bani 'Amru bin 'Auf tetaplah dengan pegangan lama mereka sama-sama bertanggungjawab membayar wang tebusan darah seperti dahulu. Tiap-tiap puak daripada mereka hendaklah membayar wang tebusan darah untuk mereka sendiri dengan berkeadilan dan adil dalam kalangan orang yang beriman.

Fasal 10:

Bani al-Nabiet (dari Yathrib) tetaplah di atas pegangan lama mereka sama-sama bertanggungjawab membayar wang tebusan darah seperti dahulu. Tiap-tiap puak daripada mereka hendaklah membayar wang tebusan darah untuk diri mereka sendiri dengan berkeadilan dan adil dalam kalangan orang yang beriman.

Fasal 11:

Bani Aus (dari Yathrib) tetaplah di atas pegangan lama mereka sama-sama bertanggungjawab membayar wang tebusan darah seperti dahulu. Tiap-tiap puak daripada mereka hendaklah membayar wang tebusan darah untuk diri mereka sendiri dengan berkeadilan dan adil dalam kalangan orang yang beriman.

Fasal 12:

Bahawa orang yang beriman tidak boleh membiarkan sebarang masalah di antara mereka sendiri bahkan mestilah sama-sama bertanggungjawab memberi sumbangan dengan berkeadilan untuk membayar wang tebusan darah dengan adil.

Fasal-Fasal ini menunjukkan Islam menghormati setiap etnik agar mereka saling bekerjasama dan membantu dalam melindungi etnik-masing-masing. Fasal-Fasal ini telah mengubah sikap masyarakat Madinah supaya lebih bertanggungjawab dan mengambil berat terhadap suku puak masing-masing. Selain itu juga, perlembagaan ini juga telah menetapkan supaya masyarakat Islam dan bukan Islam diiktiraf sebagai ummah bagi mengukuhkan hubungan kemasyarakatan. Hasilnya, masyarakat majmuk mempunyai hubungan kerjasama dan saling menghormati. Hal ini dapat dilihat dalam Fasal 25 hingga 35. Fasal 25 menjelaskan bahawa:

“Bahawa kaum Yahudi daripada *Bani 'Auf* adalah satu ummah bersama orang mukmin. Mereka bebas dengan agama mereka sendiri. Orang Islam dengan agama mereka begitu juga orang yang bersekutu dengan mereka serta begitu juga diri mereka sendiri. Melainkan sesiapa yang zalim dan berbuat dosa. Maka, hal itu tidak akan menimpa melainkan dirinya dan keluarganya sendiri”.

Fasal 26:

Yahudi *Bani al-Najjar* diperlakukan sama dengan Yahudi *Bani 'Auf*.

Fasal 27:

Yahudi *Bani al-Harith* diperlakukan sama dengan Yahudi *Bani 'Auf*.

Fasal 28:

Yahudi *Bani Saidah* diperlakukan sama dengan Yahudi *Bani 'Auf*.

Fasal 29:

Yahudi *Bani Jusyaim* diperlakukan sama dengan Yahudi *Bani 'Auf*.

Fasal 30:

Yahudi *Bani al-Aus* diperlakukan sama dengan Yahudi *Bani 'Auf*.

Fasal 31:

Yahudi *Bani Tha'labah* diperlakukan sama dengan Yahudi *Bani 'Auf* kecuali orang yang zalim dan orang yang berbuat dosa. Maka, hal itu tidak akan menimpa melainkan diri dan keluarganya sendiri.

Fasal 32:

Bahawa suku *Jafnah* yang bertalian keturunan dengan Yahudi *Bani Tha'alabah* diperlakukan sama dengan mereka itu (*Bani Tha'alabah*).

Fasal 33:

Bani Shutaibah diperlakukan sama dengan Yahudi *Bani 'Auf* dan sikap yang baik hendaklah membendung segala kejahatan.

Fasal 34:

Bahawa orang yang bersekutu dengan Yahudi *Bani Tha'alabah* diperlakukan sama dengan mereka itu.

Fasal 35:

Bahawa para pegawai kepada orang Yahudi (diperlakukan) sama dengan orang Yahudi itu sendiri.

Fasal-Fasal ini jelas menunjukkan bahawa etnisiti dititikberatkan dalam Perlembagaan Madinah. Hal ini supaya setiap etnik memainkan peranan dalam membantu etnik masing-masing dan etnik lain sekiranya mengalami kesusahan atau ancaman. Rasulullah SAW menetapkan tanggungjawab kepada setiap anggota masyarakat supaya bekerjasama menjaga keamanan Madinah. Hasilnya, Madinah menjadi lambang kuatan Islam dan benteng utama pertahanan Islam dalam menghadapi ancaman empat kuasa besar iaitu Rom, Parsi, kabilah-kabilah Arab di Semenanjung Tanah Arab dan kafir Quraisy Mekah (Mustafa Ramadhan, 1991).

Kesimpulan

Dari perbincangan di atas jelas menunjukkan bahawa etnisiti diiktiraf oleh Baginda SAW dalam Perlembagaan Madinah. Etnisiti telah berperanan dalam mengukuhkan hubungan kerjasama dalam masyarakat majmuk sekali gus berperanan mengukuhkan benteng pertahanan Madinah. Oleh sebab itu, masyarakat majmuk telah menjadi simbol kejayaan di Madinah apabila kejayaan Perlembagaan Madinah dalam membentuk hubungan kerjasama, tanggungjawab, keadilan dan hormat-menghormati.

Rujukan

- Abdul Monir Yaacob (1986). *Hak Asasi Manusia Menurut Islam: Sejarah dan Konsepnya*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Abul Hassan Ali Al-Hasany An-Nadwy (1983). *Riwayat Hidup Rasulullah SAW* (Terj. Bey Ariffin & Yunus Ali Muhdhar). Singapura: Pustaka Nasional.
- Afzalur Rahman (1992). *Ensiklopedia Sirah, Sunah, Dakwah dan Islam Jilid 1* (Terj. Zaharah Salleh: Muhammad S.A.W. *Encyclopaedia of Seerah, Volume 1*). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ahmad Barakat (1979). *Muhammad and the Jews*. New Delhi: Vikas Publishing House.
- Ahmad Ibrahim & Dzafar El-Qasimy (1985). *Piagam Madinah: Pandangan dan Ulasan* (Terj. Abu Bakar Hamzah). Kuala Lumpur: Gelanggang Kreatif.
- Ahmad Khairuddin (2007). Konstitusi Madinah Latar Belakang dan Dampak Sosialnya. *Al-Banjari*, 5(9), 1-20.
- Al-Imam Al-Bukhary (2009). *Terjemahan Hadis Shahih Bukhari Jilid I, II, III & IV* (Terj. H. Zainuddin Hamidy et al.). Kuala Lumpur: Klang Book Centre.
- Che Bakar Che Mat et al. (2007). *Pengenalan kepada Sistem Kemasyarakatan dan Kenegaraan Islam*. Shah Alam: Pusat Penerbitan Universiti (UPENA).
- Guillaume, A. (2004). *The Life of Muhammad*. Karachi: Oxford University Press.
- Hamka (Haji AbdulMalik AbdulKarim Amrullah) (1985). *Tafsir Al-Azhar Juzu' 10-11-12*. Jakarta: Pustaka Panjimas.
- Ibn Ishaq (1970). *Sirat Rasulullah* (Terj. Alfred Guillaume: *The Life of Muhammad*). Lahore: Oxford University Press.
- Ibnu Khaldun (1993). *Mukadimah Ibn Khaldun* (Terj. Dewan Bahasa dan Pustaka). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Izzuddin (2008). Konsep Ummah dalam Piagam Madinah. *Jurnal Darussalam*, 7(2), 109-122.
- J. Suyuthi Pulungan (1993). *Prinsip-Prinsip dalam Perlembagaan Madinah ditinjau dari Pandangan Al-Qur'an*. Disertasi Doktor Falsafah, IAIN Syarif Hidayatullah Jakarta.
- Mat Saad Abdul Rahman (1995). Kedudukan Masyarakat Bukan Islam dalam Sejarah Pemerintahan Islam. Dlm. *Pemerintahan Islam dalam Masyarakat Majmuk*. Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia.
- Muhammad Al-Ghazaliy (1997). *Fiqhus Sirah: Menghayati Nilai-Nilai Riwayat Hidup Muhammad Rasulullah SAW* (Terj. Abu Laila & Muhammad Tohir). Klang: Klang Book Centre.
- Muhammad Al-Ghazaliy (1997). *Fiqhus Sirah: Menghayati Nilai-Nilai Riwayat Hidup Muhammad Rasulullah SAW* (Terj. Abu Laila & Muhammad Tohir). Klang: Klang Book Centre.
- Muhammad Al-Hasyimi Al-Hamidi (2006). *Sirah Nabawiyah: Muhammad for the Global Village* (Terj. Zulfakar Ali & Alimin Kuto Al-Madjud). Jakarta: Rabitha Press.
- Muhammad Sa'id Ramadan Al-Buti (1997). *Fiqh Al-Sirah Jilid 2* (Terj. Mohd. Darus Sanawi 'Ali). Shah Alam: Dewan Pustaka Fajar.
- Muhammed Hamidullah (1968). *The Muslim Conduct of the State*. Lahore: Ashraf.
- Mustafa Al-Siba'ei (1985). *Al-Sirah Al-Nabawiyyah* (Terj. Nabhan Hussin: *Al-Sirah Al-Nabawiyyah Durus Wa'ibar*). Shah Alam: Dewan Pustaka Fajar.
- Mustafa Ramadhan (1991). *Inti sari Seerah Muhammad bin Abdullah SAW*. Kuala Lumpur: A.S Noordeen.
- Naeem Siddiqi (1982). *Muhammad Membentuk Ummah* (Terj. Mustaffa Ramadhan: *Muhammad the Benefactory of Humanity*). Pulau Pinang: Concentration Book Centre.
- Peters, F. E. (1994). *Muhammad and the Origins of Islam*. New York: State University of New York Press.
- S. Abul Hasan Ali (1982). *Muhammad Rasulullah. The Apostle of Mercy* (Terj. Mohiuddin Ahmad). Lucknow, India: Academy of Islamic Research & Publications.
- Saari Sungib (2013). *Rahsia-Rahsia Besar disebalik Sirah Rasulullah SAW*. Selangor: Kemilau Publika.
- Shaikh Sofiy Al-Rahman Al-Mubarakfuri (2011). *Sirah Rasulullah SAW* (Terj. Mohd Darus Senawi Ali: *Al-Raheeq Al-Makhtum*). Selangor: Crescent News (K.L) & Kumpulan Usahawan Muslim.
- Shamsul Amri Baharuddin (Ed.) (2007). *Modul Hubungan Etnik*. Putrajaya: Universiti Teknologi Mara (UPENA).

- Sosrodirjo, H. R. M. (1988). *Ensiklopedia Istilah Agama Islam*. Kuala Lumpur: Golden Books Centre.
- Watt, W. M. (1956). *Muhammad at Medina*. London: Oxford University Press.
- Zainal Abidin Ahmad (1973). *Piagam Nabi Muhammad SAW: Konstitusi Negara Bertulis Pertama di Dunia*. Jakarta: Bulan Bintang.
- Zaleha Embong (2016). *Ta'awun Piagam Madinah Dalam Pembangunan Komuniti Majmuk di Kawasan Rukun Tetangga Timur Laut dan Barat Daya, Pulau Pinang*. Tesis Doktor Falsafah. Universiti Sains Malaysia. Tidak diterbitkan.
- Zul-kifli Hussin (2003). *Konsep Tasamuh Menurut Perspektif Islam dan Sejarah Penghayatannya*. Tesis Sarjana, Universiti Sains Malaysia. Tidak diterbitkan.